



KEJOHANAN KAROM TERBUKA ISKANDAR PUTERI

SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA ISKANDAR PUTERI 2018

SYARAT PERTANDINGAN

1. BOARD / PAPAN KAROM ;

- 1.1 Ukuran papan karom 29" x 29".
- 1.2 Buah : 9 biji putih, 9 biji hitam dan 1 biji merah.
- 1.3 Permukaan papan karom **Bukan Daripada Jenis Yang Berkilat.**
- 1.4 Striker (Ukuran) boleh masuk ke empat-empat poket melalui permukaan board.
- 1.5 Tidak boleh diletakkan benda bagi menambah berat timbangan kecuali sebagai tanda dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengadil/Penganjur Pertandingan.
- 1.6 Cara bermain dinamakan "**SABOTAJ**" atau mematikan buah lawan secara terus dan sebaliknya.

2. MEMBUAT PUKULAN ;

- 2.1 Hanya pergelangan tangan dibenarkan berada di atas bingkai tetapi tidak memasuki permukaan board.
- 2.2 Siku atau badan tidak boleh melebihi **UFUK** ketika membuat pukulan.
- 2.3 Bila menggunakan bulatan **UFUK (FULL MOON)** pemain mestilah menutupi bulatan penuh (**FULL MOON**) dan tidak menyentuh garisan anak panah (**ARROW**).
- 2.4 Kerusi tempat duduk tidak boleh dialihkan semasa membuat pukulan.
- 2.5 Pemain diberi had masa selama 30 saat untuk membuat pukulan jika melebihi masa tersebut pemain akan kehilangan giliran.

3. BUAH KAROM TERPELANTING KELUAR ;

- 3.1 Semasa permainan, sekiranya terdapat buah yang terpelanting keluar, buah tersebut mestilah diletakkan di bulatan merah tengah. Jika terdapat buah lain di tengah bulatan merah, buah yang terpelanting mestilah diletakkan di atas buah yang sedia ada.
- 3.2 Cara meletakkan buah yang terpelanting tersebut hendaklah dilakukan oleh Pengadil bertugas.
- 3.3 Buah karom keluar dan meniti di atas bingkai lalu jatuh semula ke dalam permukaan board dikira masih dalam permainan.
 - 3.3.1 – Sekiranya buah itu masuk ke dalam poket adalah masih dikira sama dalam permainan.

4. STRIKER ;

- 4.1 Jika Striker masuk poket sedangkan buah pemain masih maksima Sembilan (9) biji maka tiada denda dikenakan.
- 4.2 Denda dua (2) biji dan giliran masih diteruskan sekiranya memasukkan buah dan striker serentak ke dalam poket kecuali buah yang terakhir. Jika ia berlaku pada buah terakhir maka **kemenangan** diberikan. **Kelebihan** akan diberikan kepada pemain yang membuat pukulan.
- 4.3 Denda satu (1) biji dan hilang giliran jika memukul buah yang sedia ada MATI dengan tiada "connection".
- 4.4 Denda satu (1) biji dan hilang giliran jika memukul buah yang sedia ada MATI dengan tiada "connection".
- 4.5 Denda satu (1) biji dan hilang giliran jika tersentuh mana-mana buah sama ada hidup atau mati semasa dalam permainan.
- 4.6 Buah denda hendaklah diletakkan oleh pihak lawan atau pengadil dalam ruang bulan merah tetapi tidak di tengah bulatan merah. Jarak meletak buah **DENDA** adalah sekadar tidak menyentuh buah lain yang sedia ada di ruang tengah.

5. LAIN-LAIN HAL ;

- 5.1 Cara permainan adalah dengan hanya memasukkan **kesemua buah putih (9 biji)** dan **buah hitam (9 biji)** bagi pasukan masing-masing. Buah **MERAH** akan dikeluarkan sebaik selepas pecah buah dibuat.
- 5.2 Pasukan yang mana terdahulu habis memasukkan **kesemua buah (9 biji)** bagi pasukannya akan dikira sebagai **Pemenang** perlawanan.
- 5.3 Penguunaan **Powder karom** dibenarkan semasa perlawanan dijalankan dengan persetujuan pihak lawan.
- 5.4 **UJIAN STRIKER** tidak dibenarkan semasa permaianan sedang berlangsung.
- 5.5 Pemain tidak dibenarkan meniup buah semasa permainan sedang berlangsung.
- 5.6 Ketika pemain membuat pukulan didapati **STRIKER** nya terlepas tetapi tidak melebihi **DUA (2) GARISAN UFUK** ia diberi peluang sekali lagi ulangan untuk gilirannya.
- 5.7 Pemain tidak dibenarkan menukarkan buah kecuali buah itu terpelanting keluar dari permukaan board.
- 5.8 Buah atau Set yang ada di dalam permainan tidak boleh disentuh atau diubah daripada tempat asal kecuali Pengadil sahaja yang berhak membuat begitu atas sebab-sebab tertentu.
- 5.9 Jawatankuasa Pertandingan berhak menentukan dan meminda sebarang **SYARAT/UNDANG-UNDANG/PERATURAN KAROM**, maka keputusan akan dirujuk kepada Jemaah Pengadil yang mana keputusan adalah **MUKTAMAD**.

6. HAD MASA PERMAINAN ;

- 6.1 Tiada had masa pada setiap set bagi semua acara.
- 6.2 Buah merah akan **dikeluarkan** oleh Pengadil selepas pecahan pertama dimulakan bagi setiap permainan.
- 6.3 Mana-mana pemain yang memasukkan buah karom ke dalam poket dan habis dahulu dikira sebagai pemenang.
- 6.4 Permainan dilangsungkan dalam **best of 3 set**.

7. DISIPLIN PARA PEMAIN ;

- 7.1 Pemain adalah dilarang makan, minum dan merokok semasa perlawanan sedang berlangsung.
- 7.2 Pemain tidak dibenarkan mengganggu pihak lawan semasa membuat pukulan.
- 7.3 Pemain tidak dibenarkan berdiri/meninggalkan tempat duduknya semasa pihak lawan sedang membuat pukulan, begitu juga pemain sendiri tidak dibenarkan berbuat demikian dalam bentuk apa jua keadaan dan tujuan tanpa kebenaran Pengadil.
- 7.4 Pemain mestilah mengikut arahan Pengadil.
- 7.5 Pemain dilarang berbincang semasa lawan membuat pukulan bagi acara bergu tanpa keizinan Pengadil.
- 7.6 Tunjuk ajar dari penyokong adalah dilarang.
- 7.7 **DENDA** akan dikenakan kepada pemain-pemain yang melakukan setiap kesalahan. Kesalahan **Pertama Amaran** dan kesalahan kedua adalah **DENDA satu (1) biji buah** ditambah dan begitulah seterusnya.

8. SYARAT PENYERTAAN

- 8.1 Permainan dijalankan secara
 - Beregu Lelaki
 - Beregu Perempuan
 - Beregu Campuran (L&P)
- 8.2 Pemain yang datang lewat 15 minit dari masa ditetapkan akan dikira kalah.
- 8.3 Seorang pemain hanya dibenarkan menyertai satu kategori sahaja.

9. BANTAHAN

- 9.1 **Setiap pasukan dibenarkan membuat bantahan rasmi secara bertulis dengan disertakan wang tunai sebanyak RM 300.00 (TIGA RATUS RINGGIT MALAYSIA SAHAJA) dalam masa 10 minit selepas pertandingan tamat. Sekiranya bantahan diterima pihak penganjur hanya memulangkan 50% sahaja dari wang deposit tersebut dan jika bantahan ditolak wang deposit adalah hak milik penganjur.**
- 9.2 Pihak penganjur berhak untuk menentukan kaedah dan susunatur pertandingan berdasarkan keadaan dari masa ke semasa dan segala keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Disediakan Oleh:

Jawatankuasa Kejujanaan Karom Terbuka Iskandar Puteri
Sempena Sambutan Hari Bandaraya Iskandar Puteri
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri